

Headline	Kenaikan harga barangan bukan soal melibatkan sesuatu kaum Tun Mahathir		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Feb 2015	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	163 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 608
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,755



## Kenaikan harga barangan bukan soal melibatkan sesuatu kaum – Tun Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu — Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata isu kenaikan harga barang yang berlaku sekarang bukan soal melibatkan sesuatu kaum tertentu.

"Ini bukan soal (bangsa) Cina, Melayu ... ini soal harga minyak jatuh kenapa harga barang tak turun. Ia melibatkan semua peniaga tetapi memanglah peniaga dalam Malaysia ini kebanyakannya Cina," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pemasangan plak warisan kebangsaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dekat sini hari ini.

Beliau berkata menyalahkan sesuatu kaum berhubung kenaikan harga barang merupakan satu cara negatif dalam menyelesaikan masalah itu.

Justeru, Dr Mahathir berkata usaha mencari punca kenaikan harga perlu dilakukan secara menyeluruh ke arah meringankan beban rakyat.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berhubung isu boikot peniaga yang enggan menurunkan harga barang, dan menjadi viral di laman sosial.

Bagaimanapun, Ismail Sabri tampil membuat penjelasan bahawa kenyataannya itu bukan ditujukan kepada peniaga kaum Cina tetapi kepada semua pemborong dan peniaga yang masih tidak

mahu menurunkan harga barang walaupun harga minyak telah diturunkan.

Dr Mahathir seterusnya berkata Malaysia tidak mendapat manfaat penuh sekalipun harga bahan api mengalami penurunan susulan kejatuhan nilai ringgit sekali gus menyebabkan nilai import negara meningkat.

"Walaupun kita boleh kutuk mereka ini (peniaga), kita perlu pastikan import dikawal dan harga barangan dan pengangkutan dikawal, kita tidak suka untuk mengawal pasaran perniagaan tetapi kadang kala ... kita perlu kawalnya kerana pasaran tidak dapat membuat kawalan sendiri," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir mencadangkan satu siasatan dan kajian teliti dilakukan bagi mengenal pasti sekiranya terdapat individu yang cuba mensabotaj ekonomi negara.

Sambil menjelaskan bahawa nilai mata wang susut disebabkan penjualan mata wang itu dengan mendadak dan kerap, beliau berkata siasatan perlu dibuat untuk memastikan sama ada inikah yang berlaku.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini mengarahkan agensi kerajaan yang berkaitan supaya mengambil tindakan terhadap dakwaan mengenai kegiatan individu tertentu men-sabotaj ekonomi negara. — Bernama

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Forest Research Institute of Malaysia (FRIM) (Forest Research	6	0	0
Ministry Of Agriculture and Agro-based Industries (Ministry Of	1	0	0
Prime Ministers Department (Prime Ministers Department)	5	0	0